

05/09/1997

Felcra bukti kemampuan

Roslan Ibrahim

PENKORPORATAN Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Felcra) atau dikenali Felcra Berhad, 1 September lalu adalah dimensi baru dalam industri pertanian di negara ini. Sekali gus, kejayaan itu membuktikan tiada yang mustahil jika seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh.

Laungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sektor pertanian meneroka dimensi baru dan membebaskan belunggu pergantungan kepada kaedah tradisional nyata dibuktikan Felcra.

Sejak ditubuhkan 30 tahun lalu, Felcra telah berjaya meningkatkan imej industri pertanian di negara ini. Ia sekarang mempunyai 70,017 peserta dan 2,570 kakitangan.

Kejayaan terbesar Felcra dapat dibuktikan melalui projek raksasa di Seberang Perak yang mana mampu menggunakan teknologi moden sepenuhnya termasuk membaja dan menabur benih menggunakan pesawat.

Pengkorporatan Felcra seperti ditegaskan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa membolehkan agensi pertanian itu bergiat aktif dalam pelbagai pelaburan bagi kepentingan penduduk luar bandar.

Pengkorporatan juga bertujuan mempertingkatkan produktiviti sedia ada dalam usaha menampung kenaikan kos operasi penggunaan tenaga buruh dan mengurangkan pengaliran kewangan awam termasuk subsidi supaya dapat disalurkan ke sektor lain lebih penting.

Selain itu, selepas dikorporatkan, Felcra Berhad diharap dapat mempertingkat pengurusan pembangunan tanah secara ekonomik bagi membuka peluang kepada sektor industri berkembang di luar bandar.

Namun, dalam keghairahan menceburi sektor ekonomi secara besar-besaran, Annuar mengingatkan agensi itu supaya tidak terlalu rakus mengejar keuntungan sehingga lupa tanggungjawab asal bagi membantu petani dan penduduk di luar bandar.

Sehubungan itu, ingatan supaya Felcra tidak bersaing dengan syarikat Bumiputera lain adalah tepat. Sebaliknya agensi pertanian itu perlu berperanan sebagai payung untuk meramaikan Bumiputera kelas menengah.

Walaupun mempunyai aset yang besar, RM1 bilion, Felcra Berhad mesti membantu usahawan Bumiputera kerana kepakaran agensi itu amat diperlukan, tambahan pula negara masih kekurangan usahawan berjaya.

Dalam perkembangan yang sama, Felcra Berhad juga perlu meningkatkan tahap profesionalisme dan kepakaran, sesuai dengan pengkorporatan. Ini bagi memberi kepercayaan kepada masyarakat untuk bekerjasama dalam pelaburan di industri pertanian.

Sekalipun sudah dikorporatkan, Felcra Berhad diminta meneruskan usaha pemulihan dan penyatuan pengurusan tanah dengan menggunakan pendekatan baru yang lebih tersusun.

Permintaan Annuar itu mempunyai maksud yang luas supaya agensi itu tidak terlalu terbabit dengan projek pertanian kecil-kecilan tetapi keutamaan ialah penerokaan kepada teknologi moden.

Contohnya, Felcra perlu memainkan peranan berkesan menyediakan prasarana dan pembangunan hartanah di luar bandar bagi menarik balik penghijrahan belia dari bandar ke luar bandar.

Usaha itu perlu dilakukan bersungguh-sungguh seperti membangunkan perkampungan industri kecil dan menyediakan rumah yang lengkap dengan segala kemudahan.

Masyarakat juga tidak perlu bimbang dengan langkah pengkorporatan itu kerana walaupun namanya sudah ditukar kepada Felcra Berhad tetapi kerajaan

masih menjadi pemilik terbesar dan ia dikawalselia lembaga pengarah yang dikuasai kerajaan bagi memastikan kepentingan peserta Felcra tidak diabaikan.

Pengkorporatan memberi faedah besar kepada peserta, antaranya pengurusan ladang tanpa caj, peningkatan hasil daripada kecekapan pengurusan, memberi peluang lebih luas membabitkan dalam aktiviti perniagaan dan mengubah minda peserta daripada kaedah tradisi kepada perusahaan dan perniagaan.

Memandangkan banyak faedah yang bakal diperolehi peserta selepas agensi itu dikorporat, amat bertepatan Annuar mengharapkan peserta memahami, menerima dan menghayati pendekatan pengkorporatan Felcra.

Selain itu, peserta juga perlu membentuk semangat untuk menjayakan agenda pengkorporatan dan menyampai serta menarik pembabitan aktif keseluruhan masyarakat peserta untuk bersama di dalam agenda pengkorporatan Felcra.

(END)